



## ISLAM ASAS PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA MELAYU-MUSLIM

(Islam as A Foundation of Malay-Muslim Identity Formation)

ZAKARIA STAPA\*; NORANIZAH YUSUF; ABDUL FATAH  
SHAHARUDIN

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
Bangi, Selangor, Malaysia

### ***ABSTRAK***

*Kertas ini bertujuan membincangkan pengaruh Islam terhadap pembentukan jati diri bangsa Melayu. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu khususnya pada abad ke-13 Masihi telah banyak merombak cara hidup, adat dan budaya masyarakat Melayu. Agama Islam telah diterima dan diperakui sebagai cara hidup orang Melayu dan adat serta budaya asal yang diamalkan oleh mereka telah dimodifikasi supaya tidak bertentangan dengan syariat Islam. Kertas ini turut membincangkan jati diri Melayu yang semakin terhakis akibat daripada proses globalisasi yang menjadikan dunia semakin mengecil. Arus ini menyebabkan bangsa Melayu tidak lagi berupaya untuk membentengi diri daripada serangan ideologi dan budaya Barat yang tidak sesuai bagi masyarakat Timur.*

**Kata Kunci:** *Islam, pembentukan jati diri, Melayu-Muslim*

### ***ABSTRACT***

*This article discusses the influence of Islam on the formation of Malay identity. The coming of Islam to the Malay Archipelago especially during the 13<sup>th</sup> century has extensively changed the way of life, customs and culture of the Malays. Islam has been accepted and recognized as a way of life by the Malays. The Malay customs and culture as practiced by their origin was modified so as not to conflict with Islamic law. In addition, this article also discussing the gradual degradation of Malay identity as a result of globalization process that made the world smaller. This mainstream caused the Malays to be no longer able to fortify themselves from the attack of Western ideologies and cultures that are not suitable for the Eastern societies.*

**Keywords:** *Islam, identity formation, Malay-Muslim*

\*Corresponding author: Zakaria Stapa, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, Email: [karia@ukm.my](mailto:karia@ukm.my)

Diserahan: 21 Disember 2011

Diterima: 16 Mac 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-SP-10>

## PENDAHULUAN

Bagi negara Malaysia, isu jati diri merupakan isu yang agak kompleks untuk dibincangkan memandangkan ia terdiri daripada negara yang memiliki rakyat yang berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa. Menurut Ismail (2010), Malaysia tidak mengamalkan dasar asimilasi yang meleburkan keturunan bangsa, bahasa dan budaya kaum pendatang. Namun, kepelbagaian bangsa, budaya dan bahasa ini tidak menjadi sesuatu yang melebarkan jurang dalam kalangan masyarakatnya. Mereka mengamalkan dasar hidup bersama secara aman dan damai dalam kepelbagaian kaum dan bangsa (*peaceful coexistence*) dan bersatu dalam kepelbagaian (*unity in diversity*).

Jati diri kebangsaan ini perlu dilihat daripada sejarah tamadun bangsa Melayu itu sendiri. Hakikat sejarah membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai ketuanan di Tanah Melayu. Islam telah menjadi teras kepada pembentukan jati diri kebangsaan yang berpaksikan kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Zainul Rijal (2010) jati diri kebangsaan ini bukan hanya tiba-tiba muncul di saat negara mencapai kemerdekaan malah sebelum kedatangan penjajah lagi jati diri ini telah menjadi lambang kebanggaan rakyat. Jati diri ini tidak diusik oleh penjajah secara langsung walaupun beratus tahun mereka memerintah Tanah Melayu.

Sehubungan itu, bangsa yang mempunyai identiti serta jati diri yang kukuh dikatakan sukar menerima pengaruh luar yang bertentangan dengan adab dan budaya bangsa itu. Identiti sesebuah bangsa merupakan kepercayaan, sikap dan pendapat yang tersusun dan dinamik yang dipegang oleh sesuatu bangsa. Individu yang mempunyai identiti diri akan memahami secara tidak langsung siapa dirinya dan berhati-hati dalam setiap tindakan dan tingkah lakunya supaya tidak bertentangan dengan agama, budaya dan adat yang menjadi pegangan bangsa dan kaumnya. Identiti diri terhasil daripada satu siri kepercayaan, pegangan, kefahaman yang boleh berupa pemikiran dan tindakan seseorang individu.

Menurut Rogers (1981), pembentukan jati diri terhasil daripada pengaruh persekitaran hasil interaksi individu. Ini bermakna, identiti diri bangsa adalah hasil daripada gabungan konsep kendiri ahlinya. Persekitaran yang baik adalah perlu bagi menghasilkan masyarakat yang berakhhlak baik dan akhlak yang baik itu juga perlu lahir daripada diri sendiri berdasarkan kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Hassan (1987) berpendapat, persekitaran mampu memberi kesan kepada penghayatan nilai akhlak seseorang. Menurut beliau, penghayatan nilai akhlak merupakan peringkat akhir proses pengakuran sosial yang dibentuk melalui pembelajaran sosial. Peringkat

penghayatan nilai yang merupakan refleksi daripada pengaruh sosial yang paling kekal dan paling berakar adalah berpunca daripada keinginan kepada kebenaran yang ada pada diri seseorang yang melibatkan elemen keyakinan atau kepercayaan yang kuat terhadap sesuatu nilai.

## **PENGERTIAN DAN KONSEP JATI DIRI MELAYU**

Perkataan jati diri ini diambil dari dua kalimah iaitu jati dan diri. Jati bermaksud asli, murni, tulen atau tidak bercampur (*Kamus Dewan* 2007). Manakala perkataan diri pula ialah seorang atau empunya badan (*Kamus Dewan* 2007). Setelah dua kalimah ini digabungkan sebagai jati diri, maka ia membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang boleh menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa (*Kamus Dewan* 2010). Jati diri atau *huwiyyah* bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut (Ahmad Mohamad Said 2009). Menurut Wan Mohamad (2010) pula, jati diri merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang yang bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi juga termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia juga merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara.

Pembentukan sifat-sifat serta watak seseorang individu atau sesuatu bangsa ini dipengaruhi oleh banyak faktor antaranya ialah faktor alam, persekitaran, pengalaman sejarah dan kepercayaan. Walau bagaimanapun, faktor yang paling utama dan dominan ialah faktor kepercayaan atau agama. Agama memberi manusia pandangan sarwa yang jelas dan menyeluruh tentang diri, Pencipta dan alam serta kedudukan dan peranannya dalam alam semesta ini (Ahmad Mohamad 2009).

Abdullah (2009) pula menjelaskan, jati diri sesebuah bangsa merujuk kepada ciri-ciri yang yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa semangat kekitaan individu dalam kumpulan itu. Justeru itu, bagi memahami lebih lanjut mengenai jati diri bangsa itu, Abdullah (2009) telah mengupas beberapa ciri jati diri dalam kajiannya, antaranya adalah:

### **i. Mempunyai leluhur yang sama**

Daripada istilah ini wujud pengertian bahawa orang yang berasal daripada bangsa yang sama mempunyai leluhur yang sama. Konsep ini jelas diperkatakan dalam gerakan kebangsaan Melayu. Semestinya orang yang

berasal daripada leluhur yang sama ini akan mewarisi ciri-ciri leluhur yang sama. Ciri-ciri leluhur yang sama inilah yang menjadikan mereka tergolong dalam satu bangsa yang sama. Jelas apa yang dapat difahami di sini ialah orang Melayu pada masa sekarang berasal dari generasi Melayu dahulu dan mereka datang daripada leluhur bangsa yang sebelumnya.

Situasi ini jelas apabila kita melihat dalam konteks negara Malaysia. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik dan bangsa, setiap mereka mewarisi jati diri dari leluhur masing-masing. Oleh itu, bagi orang Cina atau India mereka masih lagi kekal sebagai jati diri mereka yang asal dan bukannya sebagai Melayu walaupun tinggal di Tanah Melayu. Malah bagi etnik yang lain juga seperti Iban dan Kadazan walaupun mereka merupakan penduduk asal Tanah Melayu, oleh kerana mereka tidak beragama Islam, tidak bertutur dalam bahasa Melayu mereka tidak dikenali sebagai Melayu tetapi dikenali sebagai bumiputera.

**ii. Menuturkan bahasa yang sama**

Bahasa adalah ciri yang menentukan jati diri. Bahasa bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat malah menjadi ciri yang mendefinisikan bangsa tersebut. Walau bagaimanapun, menuturkan satu bahasa yang sama tidak semestinya muktamad menyatakan jati diri sama.

**iii. Mengamalkan kebudayaan yang sama**

Kebanyakan bangsa di dunia ini mendefinisikan diri mereka sebagai sebuah bangsa apabila anggota masyarakatnya mengamalkan kebudayaan yang sama. Masyarakat yang mewarisi kebudayaan yang sama dianggap sebagai sebuah bangsa yang sama. Dalam konteks bangsa Melayu, perkara yang dibincangkan adalah mengenai bangsa Melayu yang menuturkan bahasa Melayu, mengamalkan kebudayaan Melayu dan beragama Islam. Jika dikaji mengenai kebudayaan bangsa Melayu, mereka tidak boleh terpisah dengan budaya Islam itu sendiri. Bangsa Melayu akan mengekalkan bahasa, adat dan agama Islam sebagai intipati kehidupan seharian mereka. Kebudayaan sesebuah bangsa ini merupakan warisan yang dikongsi dengan generasi silam. Oleh sebab itu, kebanyakan kebudayaan bangsa Melayu yang diwarisi menjadi simbol bagi jati diri bangsa Melayu.

**iv. Menetap di daerah geografi yang sama**

Geografi merupakan salah satu ciri yang penting dalam mendefinisikan jati diri bangsa. Perkara ini dapat dilihat apabila sesebuah masyarakat yang tinggal dalam sebuah daerah geografi, mereka dianggap sebagai ssatu bangsa yang sama. Daerah geografi juga dianggap dapat menentukan

kewujudan sesuatu bangsa iaitu melalui konsep tanah air. Perkara ini dapat difahami apabila Tanah Melayu pernah dianggap sebagai daerah geografi bangsa Melayu. Konsep ini bagaimanapun sudah terhakis pada masa sekarang kesan daripada perubahan politik.

v. **Berpegang kepada agama yang sama**

Agama ialah ciri terpenting yang sering digunakan untuk mendefinisikan sesuatu bangsa. Walau bagaimanapun, ciri agama secara bersendirian tidak dapat mendefinisikan ciri sesebuah bangsa. Ini kerana agama tidak dianuti oleh sebuah bangsa sahaja. Sebagai contohnya, agama Islam tidak dianuti oleh satu bangsa sahaja di dunia ini dan begitu juga agama lain seperti Hindu, Kristian, Buddha dan sebagainya. Ini bermaksud, kelompok yang menganut agama yang sama tidak semestinya datang daripada satu bangsa yang sama. Bagi bangsa Melayu, Islam kekal teguh sebagai jati diri mereka dan merupakan intisari kepada penentu alam pemikiran Melayu. Konsep kesejagatan Islam yang membawa konsep ketuhanan, etika dan moral serta sosial yang sama sehinggakan apa sahaja yang diwarisi dari sudut sistem agama akan segera terdapat penyesuaian dalam agama kecuali prinsip yang menjadi rukun (Zainal 2008).

Menurut Zainal Kling (t.th.), Alam Melayu dapat ditakrifkan sebagai sebuah kawasan geografi yang meliputi seluruh wilayah kependudukan manusia rumpun Melayu yang berbahasa Melayu yang pernah menjadi *lingua franca* di seluruh Asia Tenggara terutamanya di kawasan kepulauan yang kini menjadi unit-unit geopolitik atau negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Selatan Thailand, kelompok-kelompok di Kampuchea dan Vietnam serta Taiwan. Takrif ini adalah berdasarkan kepada faktor bahasa kerana bahasa adalah satu-satunya tinggalan sejarah kuno yang masih lagi kekal hingga ke saat ini yang menjadi bukti penting akan kewujudan kawasan penempatan pelbagai kelompok rumpun Melayu.

Seterusnya dalam mendefinisikan jati diri Melayu, kita perlu mengetahui lebih lanjut mengenai istilah Melayu itu sendiri. Istilah Melayu ini boleh ditakrifkan secara berbeza-beza. Sekiranya ia ditakrifkan dari segi sosial dan budaya, maka istilahnya tidak terbatas hanya kepada bangsa Melayu yang menetap di Malaysia sahaja, tetapi meliputi keseluruhan kawasan yang dikenali sebagai ‘Gugusan Kepulauan Melayu’ (Husin Ali 2008). Menurut Fatimi & Mohd. Zamani (2006), jati diri Melayu merupakan asas kepada pembentukan sahsiah diri untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhhlak dan berbudi bahasa serta berpekerti mulia. Siddiq Fadhil (2010) pula mentakrifkan jati diri Melayu dalam pentakrifan konseptual iaitu berdiri di atas dua asas utama iaitu agama dan budaya.

Dalam konteks Malaysia, istilah Melayu menurut Perlembagaan Persekutuan ialah ‘seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat dan adat resam Melayu’ (Perlembagaan Persekutuan, Fasal 160 [2]) (Zainal t.th.). Dari pada takrif Melayu menurut Perlembagaan ini nyatalah bahawa unsur utama yang mendasari jati diri Melayu ialah agama Islam. Jati diri bangsa Melayu ini boleh disimpulkan sebagai nilai agama dan kepercayaan (Islam), bahasa yang dipertuturkan (bahasa Melayu) dan adat resam yang diamalkan oleh mereka sejak dahulu lagi yang mana adat-adat ini tidak bercanggah dengan Islam. Berdasarkan pernyataan yang terkandung dalam perlembagaan ini, implikasinya ialah andainya orang Melayu itu tidak lagi menganut agama Islam, tidak lagi bercakap bahasa Melayu dan tidak lagi menurut adat istiadat orang Melayu, maka orang itu bukan lagi Melayu atau dalam erti kata lain ia tidak memiliki jati diri Melayu yang hakiki (Ahmad Mohamad 2009).

Berdasarkan pendapat-pendapat tokoh di atas dapat disimpulkan bahawa konsep jati diri Melayu adalah berpaksikan kepada beberapa prinsip utama iaitu:

1. Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu.
2. Perwatakan, adab dan kesusilaan orang Melayu adalah berasaskan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak. Mana-mana adat yang diamalkan sebelum Islam yang menyalahi syarak ditinggalkan atau dimodifikasi supaya selaras dengan syarak.
3. Penghayatan nilai tauhid dalam sistem kehidupan sama ada dalam entiti keluarga, masyarakat atau negara.

## **PENGARUH ISLAM DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI MELAYU**

Sebelum kedatangan Islam, hubungan di antara orang Arab dengan orang Melayu hanya terbatas dalam bidang perniagaan dan perdagangan sahaja. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu membuka lembaran baru dalam sejarah peradaban masyarakatnya. Agama Islam telah menjadi asas kepada kebangkitan masyarakat Melayu dari setiap sudut aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan politik (Mahayudin Yahaya 2009). Islam bukan sahaja berjaya mengubah struktur zahir masyarakat Melayu bahkan perubahan tersebut sampai ke struktur batin atau jiwa mereka (al-Attas 1972). Sangat jelas bahawa Islam telah dapat mengubah dan merevolusi diri dan jiwa orang Melayu malah menemukan orang Melayu dengan identiti dan jati diri yang amat serasi, sangat bernilai dan paling hakiki

(Ahmad Mohamad 2009). Penyebatian unsur peradaban Islam memberi kesan yang besar yang menghasilkan sifat asasi dan keperibadian Melayu. Islam telah mengubah paksi tamadun Melayu. Dengan menerima identiti Islam maka seluruh landasan dan asas kebudayaan berubah sesuai dengan akidah Islam. Segala bentuk binaan budaya dan sistem kemasyarakatan dirasionalisasi dan dibangunkan atas tuntutan akidah Islam sehingga mencapai satu identifikasi atau jati diri yang Islamik (Zainal t.th.).

Uniknya, apabila disebut Islam di Malaysia, ia amat sinonim dengan bangsa Melayu. Islam telah mendominasi adat dan kebudayaan tamadun Melayu yang diwarisi dari zaman ke zaman hingga ke hari ini. Sehubungan dengan itu, orang Melayu dilihat sebagai berjati diri bukan kerana keteguhannya berpegang kepada nilai-nilai budaya dan adat bangsanya semata-mata, tetapi kerana keteguhannya berpegang dengan nilai-nilai agama Islam yang sebenar yang tidak bercampur dengan sebarang bentuk fahaman atau pegangan dan amalan yang salah. Nilai budaya sesuatu bangsa hanya boleh diterima sebagai asas jati diri bangsa tersebut jika ia benar-benar bersesuaian dengan nilai-nilai agama. Sebaliknya jika berlaku percanggahan antara nilai-nilai budaya dan agama, maka nilai budaya itu sendiri perlu dilihat sebagai faktor penghakis yang menghakis jati diri. Justeru tidak ada cara lain yang lebih berkesan untuk mengembali dan meningkatkan kekuatan jati diri bangsa Melayu melainkan dengan cara mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Azwira Abdul Aziz 2006). Oleh yang demikian, segala bentuk adat istiadat atau kepercayaan yang diamalkan sebelum memeluk Islam telah ditinggalkan atau dimodifikasi supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Menurut Nik Rosila (2009), terdapat empat teras pembinaan jati diri bangsa Melayu berdasarkan buku tunjuk ajar Melayu yang merupakan kompilasi ungkapan, pantun, gurindam, petunjuk, petua dan nasihat orang-orang tua: (1) Teras ketaqwaan kepada Allah; (2) Teras akhlak; (3) Teras ilmu pengetahuan; dan (4) Teras muamalah. Teras ketaqwaan kepada Allah merupakan teras yang paling utama dalam pembentukan jati diri bangsa Melayu. Orang Melayu memang dikenali sebagai satu bangsa yang menganut agama Islam dan seluruh nilai, norma serta adat budaya mereka adalah merujuk kepada ajaran Islam. Teras akhlak pula merupakan cerminan kepada segala amalan dan perlakuan seseorang individu. Ia berkait rapat dengan bagaimana seseorang itu menjaga hubungannya dengan Allah, dengan sesama makhluk atau dengan diri sendiri. Islam menganjurkan umatnya supaya berakhlik dan berbudi pekerti mulia dalam setiap perbuatan mahupun tutur kata kerana kemuliaan dan kehormatan seseorang itu akan dinilai melalui ketinggian keperibadian akhlaknya. Teras ilmu pengetahuan pula merujuk kepada keperluan untuk memperlengkapkan diri

dengan ilmu pengetahuan yang berfaedah dan tidak melanggar syariat Islam. Ilmu pengetahuan yang dimiliki bukan sahaja bermanfaat untuk kepentingan peribadi bahkan kepada masyarakat, bangsa dan negara. Manakala teras muamalah pula menekankan konsep bersatu padu, bergotong-royong dan bertolak ansur sebagai inti kepada keperibadian dan jati diri bangsa Melayu. Selain itu, prinsip muafakat dan musyawarah juga diberi penekanan dalam masyarakat Melayu.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan berkuatkuasanya Perlembagaan, agama Islam telah dijadikan agama rasmi negara dan Raja-Raja Melayu merupakan sebuah institusi yang menjaga dan melindungi hal ehwal agama Islam. Malah kedudukan agama Islam sebagai agama negara adalah satu kontrak sosial yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun (Ismail 2010). Dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia, Sultan merupakan ketua agama Islam. Segala permasalahan berkaitan dengan agama akan dirujuk kepada baginda Sultan. Beliau pula akan merujuk kepada alim ulama dan juga mufti yang menjaga hal ehwal Islam (Fatimi & Mohd 2006).

Selain itu, budaya masyarakat Melayu juga menggabungkan dua unsur utama agama Islam dan adat. Namun, adat dan budaya yang menjadi asas kepada proses sosialisasi tersebut hendaklah berteraskan kepada syariat Allah. Ini kerana jati diri Melayu berpaksikan konsep tauhid dan syariah yang telah mewarnai budaya Melayu mereka sejak berzaman (Fatimi & Mohd 2006). Seluruh nilai dan norma masyarakat Melayu adalah merujuk kepada ajaran Islam, sehingga ada yang mengatakan bahawa jika seseorang itu memeluk Islam akan digelar “Masuk Melayu”.

## **PENJAJAHAN DAN GLOBALISASI SERTA KESANNYA TERHADAP KECAIRAN JATI DIRI BANGSA MELAYU**

Isu jati diri Melayu menjadi tema perbahasan yang lebih mendalam khususnya pada pasca kemerdekaan. Krisis jati diri telah menimpa hampir kesemua generasi mangsa penjajahan. Bangsa Melayu menjadi manusia yang memiliki pemikiran, gaya hidup dan citarasa yang dipengaruhi oleh penjajah. Penjajahan Barat ke atas bangsa Melayu membawa kepada kehancuran segala sistem kemasyarakatan dan budaya Melayu sehingga menjadi bangsa yang amat daif, lemah serta miskin. Melayu diberikan gambaran yang negatif, buruk, mundur dan keji. Kesan penjajahan ini ditanggung oleh masyarakat Melayu sehingga kini. Kedatangan penjajah secara tidak langsung telah memecah-belahkan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Mereka juga telah menyebarkan fahaman sekularisme yang mengenepikan konsep ketuhanan dan berlandaskan kepentingan dunia semata-mata.

Era penjajahan Barat juga menyaksikan perkembangan pendidikan Islam mula terjejas. Penjajah Barat terutamanya Inggeris telah meletakkan nilai ekonomi dalam pendidikan sehingga umat Islam mula meninggalkan pendidikan tidak formal mereka dan menyertai pendidikan formal yang diperkenalkan oleh penjajah (Ab. Halim & Kamarul Azmi 2009). Pembaharuan yang dibawa oleh pihak penjajah ini telah menyebabkan pendidikan Islam mula terpinggir daripada masyarakat Melayu. Ini kerana pihak penjajah tidak melihat pendidikan Islam sebagai sesuatu yang mempunyai nilai komersial dan penting kepada masyarakat malah mereka melihat Islam sebagai satu ancaman kepada mereka. Sehingga ke saat ini, pendidikan yang diperkenalkan oleh Barat di Tanah Melayu masih lagi kekal dan menjadi dua bahagian yang memisahkan di antara pendidikan agama dengan pendidikan bukan agama. Ilmu agama telah terasing dari ilmu pengetahuan dan tidak lagi menjadi landasan epistemologi dan kerangka kewujudan ilmu seperti yang difahami dalam al-Quran dan al-Sunnah (Zainal t.th.).

Walaupun Alam Melayu sudah bebas daripada penjajahan, namun kesannya masih lagi kekal hingga sekarang. Keadaan menjadi semakin sukar apabila Barat memperkenalkan revolusi teknologi dan komunikasi yang dikenali sebagai globalisasi. Globalisasi adalah kesinambungan daripada pemikiran Barat. Menurut Siddiq Fadzil (2010), globalisasi ini adalah tajaan Amerika Syarikat yang berintikan agenda penyejagatan dominasi dan hegemoni Amerika. Budaya, pemikiran dan teknologi Barat mula menguasai seluruh hidup masyarakat dunia. Nilai-nilai Barat telah diterima dan diamalkan oleh masyarakat dunia. Sungguh pun demikian tidak semua nilai-nilai Barat ini sesuai bagi penduduk di Asia khususnya penduduk Malaysia. Kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi telah digunakan sepenuhnya oleh Barat bagi mempromosi dan menjual idea dan budayanya.

Kebelakangan ini juga, kita sering diperdengarkan dengan pelbagai masalah keruntuhan jati diri dan akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia berlaku sama ada pada peringkat kanak-kanak, remaja atau dewasa. Kebanyakan mereka terjebak dengan pelbagai budaya sosial dan gejala-gejala negatif yang datang dari negara Barat sehingga tidak lagi menggambarkan ciri-ciri sebagai seorang Melayu sejati. Orang Melayu pada hari ini begitu kagum dengan Barat sehingga menyebabkan kecairan jati diri dalam kalangan bangsa Melayu itu sendiri. Perkara ini berlaku kerana budaya yang datang dari dunia Barat selalu dianggap suatu kemajuan yang perlu dicontohi, manakala apa yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu dianggap suatu perkara yang mundur dan ketinggalan zaman.

Di samping itu, terdapat segelintir umat Islam yang telah hilang keperibadian sebagai seorang mukmin sejati, mereka seolah-olah hidup seperti

di zaman jahiliah. Keadaan ini semakin buruk apabila terdapat umat Islam yang memisahkan dan mengasingkan urusan dunia dengan urusan hidup sehari-hari bahkan beranggapan bahawa agama tidak memberi apa-apa sumbangan dalam pembangunan bangsa dan negara. Mereka percaya bahawa hanya ilmu-ilmu tertentu seperti ilmu sains dan lain-lain yang terpisah dengan agama sahaja yang dapat membawa manusia kepada kemajuan dan ketamadunan. Ini semua merupakan petanda ke arah memisahkan agama daripada kehidupan manusia yang akan menyebabkan manusia hidup dalam budaya yang rosak dan jauh dari rahmat Allah SWT.

## PEMERKASAAN SEMULA JATI DIRI MELAYU

Sejarah membuktikan bahawa agama Islam mampu menjadikan sesuatu bangsa itu kuat dan mampu untuk membangkitkan tamadun yang gemilang. Jika diteliti dari aspek sejarah, penekanan Islam kepada ilmu pengetahuan telah memberikan kesan yang cukup besar ke atas orang Melayu. Masyarakat Melayu bukan sahaja menerima Islam sebagai cara hidup bahkan telah membudayakan ilmu dalam kehidupan mereka seperti mana yang ditekankan oleh Islam seperti membaca, menulis dan menyelidik seperti mana firman Allah dalam Surah al-'Alaq ayat 1-5.

Walaupun pada masa tersebut, sasaran penerima ilmu kebanyakannya untuk golongan anak bangsawan namun budaya menuntut ilmu terutamanya ilmu agama tetap meriah dalam kalangan masyarakat awam. Menurut Nik Rosila (2009), ilmu agama bukan sahaja diajar di masjid, madrasah atau rumah malahan di tepi perigi. Situasi ini menunjukkan bahawa ilmu agama turut disebarluaskan di mana-mana sahaja yang terdapat perkumpulan manusia. Ilmu pengetahuan mempunyai peranan yang sangat signifikan dan positif sebagai asas kekuatan sesuatu bangsa dan tamadun. Malahan telah berlaku beberapa kali dalam sejarah bagaimana sesuatu bangsa yang kuat yang tidak ditunjang oleh budaya ilmu yang baik akan memeluk dan menganut nilai-nilai dan ciri-ciri tamadun lain yang menaklukinya.

Di samping itu, usaha untuk memperkasa dan memantapkan semula jati diri bangsa Melayu berkait rapat dengan usaha untuk menyampaikan dakwah Islam. Ini kerana hanya dengan keimanan yang mantap sahaja kita mampu untuk membentuk jati diri yang kuat dan tidak terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang merosakkan. Penerapan nilai-nilai Islam secara holistik hendaklah ditekankan dalam segenap kehidupan bangsa Melayu. Ini juga akan memberi kesan kepada pembangunan manusia di dunia dan di akhirat. Selain itu, usaha

ke arah pemantapan institusi kekeluargaan juga adalah penting untuk dilaksanakan kerana keluarga menjadi asas pembentukan masyarakat dan masyarakat pula menjadi asas kepada pembinaan jati diri kebangsaan. Ibu bapa merupakan ejen sosialisasi yang paling berpengaruh dalam pembentukan diri anak-anak mereka. Oleh yang demikian, ibu bapa haruslah memainkan peranan mereka untuk memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak-anak mereka di samping penekanan dalam bidang akademik.

Sehubungan itu, Tajul Ariffin & Nor ‘Aini Dan (2002) menyatakan, untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepada dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh. Potensi intelek manusia hendaklah disemai ke arah kebenaran, daya pemikiran yang kreatif dan inovatif, logik dan analitis yang akan melahirkan ilmu yang bermanfaat dari segi teori dan praktis. Manakala potensi rohani pula haruslah menggarap aspek-aspek keyakinan terhadap Allah SWT, penghayatan nilai-nilai murni dan norma bermasyarakat serta berbudi pekerti mulia. Potensi jasmani pula hendaklah dipandu ke arah aspek kecerdasan fizikal dan kesihatan mental yang berfungsi untuk berbakti kepada masyarakat dan negara (Tajul Ariffin dan Nor ‘Aini 2002).

Di sini, jelaslah bahawa hanya melalui Islam bangsa Melayu mampu untuk memperteguh dan memperkasakan semula jati diri mereka. Nilai akhlak, moral dan etika yang terbit daripada agama Islam menjadi ajaran dan landasan memelihara diri serta masyarakat pada masa kini. Islam dan Melayu tidak boleh dipisahkan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, Islam merupakan asas utama kepada pembentukan jati diri bangsa Melayu di samping adat dan budaya lama dikekalkan serta mana-mana adat dan budaya yang bercanggah dimodifikasi supaya selaras dengan syariat Islam. Untuk memperkasakan semula jati diri bangsa Melayu, agama Islam haruslah dijadikan sebagai panduan dan pendidik utama kerana tanpa Islam bangsa Melayu akan kehilangan jati diri mereka. Islam telah terbukti berjaya membina tamadun Melayu yang gemilang sebelum kedatangan penjajah. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab bangsa Melayu untuk menghayati serta mengamalkan ajaran Islam dalam segenap aspek kehidupan mereka.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi. 2009. Nilai amalan dan sistem pendidikan masyarakat Melayu Islam selepas penjajahan Barat sehingga kini. Dlm. Kaseh Abu Bakar (pnyt). *Peradaban Arab Islam dan masyarakat Melayu*, hlm. 35-58. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, UKM.
- Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusian* 16(2009): 59-81.
- Ahmad Mohamad Said. 2009. *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Al-Attas, S.M Naquib. 1972. *Islam dan sejarah kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azwira Abdul Aziz. 2006. *15 asas pembinaan jati diri Muslim menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Fatimi Hanafi & Mohd. Zamani Ismail. 2006. Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Kertas kerja *Seminar Kebangsaan Pengajian Umum*. 13-14 Jun 2006. Johor Bahru.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin Ali, S. 1981. *The Malays: Their Problems and Future*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Husin Ali, S. 2008. *The Malays: Their Problem and Future*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ismail Ibrahim. 2010. 1 Malaysia: Pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd. Yusof Othman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 3-20. Bangi: Institut Islam Hadhari, UKM.
- Kamus Dewan. 2010. Ed. Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahayudin Yahaya. 2009. Sumbangan Peradaban Arab-Islam terhadap kebudayaan Melayu melalui manuskrip jawi. Dlm. Kaseh Abu Bakar (pnyt.). *Peradaban Arab Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 1-33. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rosila Nik Yaacub. 2009. *Pembinaan Identiti Diri Bangsa Melayu: Dari Perspektif Pendidikan Psikososial*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rogers, D. 1981. *Adolescent and Youth*. New Jersey: Prentice Hall.
- Siddiq Fadzil. 2010. Melayu: Jati diri keagamaan dan kebudayaannya. Dlm. *Madaniyyat*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor ‘Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan pembangunan manusi pendekatan bersepadu*. Selangor: Al-Syabab Media.
- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. 2010. Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd. Yusof Othman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 85-96. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Kling. 2008. Minda Melayu-suatu tafsiran. Dlm. Anwar Ridhwan (pngr.). *Minda Melayu*, hlm. 17-61. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. t.th. *Islam dan Kebudayaan Alam Melayu*. Malaysia: Universiti Malaya. <http://portalfsss.um.edu.my/portal/uploadFolder/pdf/Islam%20dan%20Kebudayaan%20Alam%20Melayul.pdf>, [12.10.2011].
- Zainul Rijal Abu Bakar. 2010. Undang-undang Islam di Malaysia: Ke arah pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd. Yusof Othman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 67-84. Bangi: Institut Islam Hadhari, UKM.

